



KENYATAAN MEDIA

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KELANTAN

INSIDEN KEMALANGAN MELIBATKAN KAKI SEORANG KANAK-KANAK DIGILIS FORKLIFT DI GUA MUSANG KELANTAN

Kota Bharu, 27 Jun 2018 – Satu kemalangan melibatkan kaki seorang kanak-kanak digilis oleh *forklift* telah dilaporkan di sebuah kilang di Gua Musang, Kelantan. Susulan dengan itu, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Kelantan telah menghantar pegawainya untuk menyiasat kejadian tersebut.

Daripada siasatan awal menunjukkan kanak-kanak yang malang tersebut telah dibiarkan berada di dalam kawasan kilang tanpa kawalan atau sekatan pengurusan kilang berkenaan. Sehubungan itu, pihak JKKP telah mengarahkan kerja-kerja di tempat kejadian diberhentikan serta-merta. Beberapa individu termasuk pengurusan kilang telah dipanggil memberi keterangan untuk membantu siasatan bagi mengenalpasti punca kejadian.

Di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994, adalah menjadi tanggungjawab majikan tempat kerja (dalam kes ini, kilang berkenaan) untuk memastikan keselamatan pekerja-pekerjanya serta orang awam yang boleh terkesan daripada aktiviti pekerjaan kilang tersebut. Tindakan tegas akan diambil ke atas majikan berkenaan sekiranya didapati beliau cuai atau gagal mematuhi undang-undang ini.

JKKP memandang serius setiap kemalangan yang berlaku terutamanya yang melibatkan pekerja, orang awam dan harta benda. Pihak majikan serta pengusaha industri disarankan agar lebih bertanggungjawab dalam aspek keselamatan dan kesihatan dan tidak hanya mementingkan keuntungan perniagaan semata-mata.

###

Dikeluarkan oleh: Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Menara Perkeso,
Jalan Kota Darul Naim,
15538 Kota Bharu, Kelantan.